



# YAYASAN ISLAM KELANTAN

## KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor - kontraktor tempatan (bumiputera) yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan untuk menyertai tawaran seperti berikut:-

### KERJA-KERJA KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAJA SERTA RACUN DI KEBUN KELAPA SAWIT PUSAT PENGAJIAN PONDOK, KANDIS, BACHOK, KELANTAN

NO SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH, TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH, TEMPAT PENJUALAN & HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
YIK(S)400-1/8/1(5)	• 070101 dan 070102	<p>14/8/2025 (Khamis)</p> <p>Pendaftaran: 10.30 pagi Hingga 11.00 pagi</p> <p>Taklimat Sebut Harga: 11.15 pagi</p> <p>Tempat: PUSAT PENGAJIAN PONDOK, KANDIS, BACHOK</p> <p>Lawatan ke tapak projek akan diadakan selepas taklimat</p>	<p>19/8/2025 Hingga 26/8/2025</p> <p>Tempat: Unit Pelaburan, Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjung - Pasir Mas, 16010 Kota Bharu, Kelantan</p> <p>Harga Dokumen: RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)</p>	<p>26/8/2025</p> <p>Sebelum atau pada jam 12.00 tengahari</p>
<b>*Sila bawa cop syarikat semasa membeli dokumen sebut harga</b>				

\* Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak.

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan semasa menghadiri sesi taklimat sebut harga :-
  - i. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - ii. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia
  - iii. Kad pengenalan sebagaimana berdaftar dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Satu salinan fotostat Sijil-sijil Asal bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan Yayasan Islam Kelantan. Yayasan Islam Kelantan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan Yayasan Islam Kelantan tidak layak.

3. **Kontraktor yang berminat diwajibkan hadir taklimat sebut harga seperti alamat di atas. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dengan mengemukakan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Kad pengenalan sebagaimana berdaftar dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk pengesahan.**
4. Hanya kontraktor yang menghadiri taklimat sebut harga sahaja dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Jika didapati ada syarikat yang tidak menghadiri taklimat sebut harga tetapi membeli dokumen sebut harga, pihak Yayasan Islam Kelantan berhak menolak permohonan tersebut. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat mulai **19 Ogos 2025** sebagaimana waktu yang berikut:

Ahad hingga Rabu	-	8.30 pagi hingga 4.30 petang
Khamis	-	8.30 pagi hingga 1.00 petang
5. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.**
6. **Yayasan Islam Kelantan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. Yayasan Islam Kelantan berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.**
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **peti sebut harga** seperti alamat di bawah :

**UNIT PELABURAN  
YAYASAN ISLAM KELANTAN  
PETI SURAT 248, LEBUHRAYA TUNJUNG - PASIR MAS, 16010 KOTA BHARU, KELANTAN**

**Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari.**

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak.

**"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"  
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(HAJI ZULKIFLE BIN AB RAHMAN)  
Pegangan  
Yayasan Islam Kelantan